



MINDA PEMBACA

KOMENTAR

AGAMA

SASTERA

KOLUMNIS

LAIN-LAIN (RENCANA)

Penjawat awam ejen terbaik sampai keperluan vaksinasi

Adnan Mat - April 11, 2021 @ 1:15pm

bhrencana@bh.com.my

Pemberian dos vaksin fasa pertama itu untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan menyasarkan sekurang-kurangnya 500,000 petugas barisan hadapan menerima suntikan vaksin menjelang bulan ini. - NSTP/Azhar Ramli

SEHINGGA 6 April lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan 862,445 dos vaksin COVID-19 sudah diberikan kepada penerima membabitkan 534,191 penerima dos pertama dan dos kedua (328,254).

Pemberian dos vaksin fasa pertama itu untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan menyasarkan sekurang-kurangnya 500,000 petugas barisan hadapan menerima suntikan vaksin menjelang bulan ini.

Tahniah diucapkan kepada pihak terbabit, terutama Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) atas kejayaan peringkat fasa pertama pemberian vaksin.

Walaupun menerima kritikan pelbagai pihak, terutama berkaitan kelewatan mengagihkan vaksin, kita sebenarnya tidak tersasar daripada jangkaan ditetapkan sebelum ini.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [KJ jawab persoalan pengagihan vaksin COVID-19](#)
- [Pahang perkenal SICP memudahkan pendaftaran suntikan vaksin](#)
- [Yakini program imunisasi demi kepentingan sejagat](#)
- [Yakini program imunisasi demi kepentingan sejagat](#)

Majoriti penerima vaksin fasa pertama pula adalah kalangan penjawat awam, sekali gus membuktikan golongan itu tiada masalah memberikan

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/04/805827/penjawat-awam-ejen-terbaik-sampai-keperluan-vaksinasi>

TERKINI

PILIHAN PEMBACA


- 3m [Robin Hood muncul di bumi kami](#)
- 3m [Panduan menu sihat untuk berpuasa](#)
- 6m [156 kanton arak bernilai lebih RM121,000 dirampas](#)
- 9m [143 masjid, surau di KETENGAH terima sumbangan](#)
- 16m [Kerajaan Perancis menyesali serangan ke atas Pusat Islam](#)
- 20m [Pod, cecair vape lebih RM300,000 dirampas](#)
- 37m [53 penagih ditahan dalam Ops Sarang](#)
- 43m [Kejayaan Matsuyama bakal beri impak global](#)

WAKSIN



KOMENTAR Apr 11, 2021 @ 1:15pm

[Penjawat awam ejen terbaik sampai keperluan vaksinasi](#)



NASIONAL Apr 11, 2021 @ 12:08pm

[385,251 individu lengkap dua dos suntikan vaksin COVID-19](#)



NASIONAL Apr 10, 2021 @ 5:39pm

[Wajibkan vaksin jika pemberian masih rendah selepas Fasa III](#)



NASIONAL Apr 10, 2021 @ 5:12pm

[Hanya 104,363 ahli KRT daftar vaksinasi - Halimah](#)



NASIONAL Apr 9, 2021 @ 8:06pm

[KKM kaji beri vaksin kepada penderma darah](#)



NASIONAL Apr 9, 2021 @ 4:25pm

[Penerima vaksin COVID-19 tetap perlu disaring](#)

4/12/2021 Penjawat awam ejen terbaik sampai keperluan vaksinasi awam, sekali gus membuktikan golongan itu tiada masalah memberikan kerjasama kepada kerajaan bagi memastikan usaha melawan pandemik COVID-19 tercapai.

Bagaimanapun, kita tidak boleh terlalu dibuai dengan kejayaan fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan kerana cabaran lebih besar bakal dihadapi untuk fasa kedua dan ketiga memandangkan jumlah penerima lebih ramai.

Usaha ini masih panjang dan perlu diteruskan agar hasrat kerajaan memastikan sekurang-kurangnya 70 hingga 80 peratus rakyat divaksin bagi mencapai status imuniti berkelompok agar sebahagian besar masyarakat mempunyai daya tahan daripada penyebab jangkitan.

Sebenarnya penjawat awam boleh memainkan peranan signifikan bagi memastikan program itu berjalan mengikut tempoh ditetapkan.

Sebagai sebahagian masyarakat, 1.7 juta penjawat awam boleh menjadi ejen berkesan kepada kerajaan, terutama meyakinkan masyarakat untuk mendaftar untuk menerima suntikan vaksin.

Kebersamaan penjawat awam dan masyarakat dalam menyebarkan fakta mengenai vaksin COVID-19 ini amat penting dalam melawan dakyah bersifat mitos oleh golongan antivaksin di media sosial mahu pun di kedai kopi.

Setiap jabatan kerajaan disarankan untuk menganjurkan lebih banyak seminar atau program perkongsian ilmu mengenai COVID-19 dan program imunisasi supaya penjawat awam dapat didedahkan dengan maklumat tepat dan jelas.

Maklumat tepat dan jelas boleh digunakan penjawat awam untuk dikongsikan kepada masyarakat, terutama ahli keluarga terdekat yang mungkin sebelum ini tidak mengetahui fakta COVID-19 dengan jelas.

Sebagai kumpulan pelaksana kepada jentera kerajaan juga, penjawat awam diharap tidak menyertai sebarang usaha atau terbabit dengan golongan antivaksin, sekali gus menjejaskan usaha negara melawan penularan COVID-19.

Walaupun kerajaan memberi jaminan tiada mana-mana pihak dipaksa menerima vaksin COVID-19, ia bukanlah lesen untuk kita menghasut orang ramai menolak pengambilan vaksin dengan hujah tidak tepat dan mengelirukan.

Kepada golongan antivaksin di luar sana, mereka lebih baik berdiam diri daripada berkongsi perkara boleh mencetuskan kegusaran awam hingga mendedahkan risiko keselamatan kepada masyarakat.

Dari sudut pandangan agama sendiri, pakar, termasuk ahli agama sependapat pengambilan vaksin lebih banyak membawa kebaikan daripada mudarat, sekali gus tidak bersempadan dengan Islam.



TRENDING

KES 3 jam yang lepas



Seksa kemaluan tersekat pada muncung botol




KES Apr 11, 2021 @ 12:59pm

Suami tolak isteri dari tingkat 18, ditahan



KES Apr 11, 2021 @ 11:12am

Warga emas maut diseret bersama motosikal sejauh 3km



OLAHRAGA Apr 10, 2021 @ 9:44pm

Arsyad kejutkan Jonathan, Azeem



ASIA Apr 10, 2021 @ 11:31am

Alibaba didenda AS\$2.78 bilion

MYRESIPI



INFOMASI Apr 9, 2021 @ 6:32pm

Unik & Menyelerakan, Ini Resepi Umai Ikan



INFOMASI Apr 9, 2021 @ 6:29pm

Menu Original Ala Thailand, Ini Resepi Sup Ikan Merah Masam Pedas & Tom Som Pla;



INFOMASI Apr 8, 2021 @ 3:30pm

Menu Inspirasi Dari Bandung, Ini Resepi Nasi Daun Limau Yang Korang Kena Cuba



INFOMASI Apr 8, 2021 @ 2:30pm

Resepi Warisan Telur Pindang Marble, Orang Johor Mesti Suka!



INFOMASI Apr 7, 2021 @ 5:02pm

Jom Cuba Buat Wool Roll Bread, Resepi Roti Viral Yang Lembut & Gebu

uaripada mudarat, sekali gus tidak bercanggai dengan Islam.

Pada masa sama, ada baiknya kerajaan mengambil langkah yang lebih berkesan untuk menggalakkan pendaftaran vaksin COVID-19 dan tidak terlalu bergantung kepada kaedah pendaftaran secara dalam talian.

Ketika ini, ada beberapa akses mendaftar, iaitu aplikasi MySejahtera, laman web <https://www.vaksin covid.gov.my/>, talian hotline dan pendaftaran secara manual di fasiliti kesihatan.

Bagaimanapun, promosi secara aktif dijalankan lebih tertumpu kepada pendaftaran dalam talian yang mungkin dilihat sedikit 'kurang mesra' dalam kalangan masyarakat umum, terutama warga emas dan golongan 'tunggu dan lihat' ini.

Ia tidak boleh dinafikan kerana ketika ini hanya 8.4 juta penduduk mendaftar untuk mendapatkan vaksin COVID-19 dan angka itu sangat rendah, apatah lagi kita akan memasuki fasa kedua pada 19 April ini.

Pendaftaran secara manual perlu diperkasa melalui aktiviti turun padang oleh agensi berkaitan dan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta sukarelawan.

Kerajaan tidak boleh menunggu pada saat akhir bagi melaksanakan gerak kerja secara *all-out* untuk meningkatkan pendaftaran vaksin.

Pelaksanaan program pemberian vaksin terbesar dalam sejarah negara ini adalah usaha tidak boleh gagal kerana ia peluang terakhir untuk kita semua menjalani kehidupan seperti biasa sebelum penularan COVID-19.

Sudah tentu vaksin terbaik ketika ini adalah diri kita sendiri dengan terus mematuhi amalan norma baharu dalam kehidupan seharian bagi mengawal wabak COVID-19, tetapi tahap kepatuhan masih lagi rendah.

Penulis adalah Presiden CUEPACS

BERITA BERKAITAN



KOMENTAR Mac 2, 2021 @ 11:01am

Tingkat keyakinan awam terhadap keberkesanan vaksin



NASIONAL Apr 1, 2021 @ 2:11pm

Penjawat awam elak terbabit gerakan antivaksin - KSN



NASIONAL Mac 26, 2021 @ 6:14pm

Sediakan 'bekalan khas' vaksin golongan rentan



NASIONAL Feb 25, 2021 @ 3:35pm

Sabah wujud Pasukan Petugas Khas program vaksinasi



00:30

Motion For Life
Michelin Malaysia

Invest now \$ 250 in Companies like

Dwayne 'The Rock' Johnson

[Pics] The Richest Rockstar Of All

Netflix and get a...
Smart Invest

Buys Georgia...
Mansion Global

Time Is Not Who...
UnpuzzleFinance

Electricize your profits! Invest \$250 in...
pinkmoonltd.com

Trevor Noah Picks up \$27.5 Million Bel Air...
Mansion Global

Actor Sylvester Stallone Selling La Quinta,...
Mansion Global

This is one of the most expensive homes in Florida.
Mansion Global



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)